


Seni Keindahan Bahasa al-Quran



▣ Mana Sikana

Dari zaman Rasulullah SAW hingga era mutakhir ini, generasi demi generasi akan terus menikmati keindahan bahasa dalam kitab suci al-Quran. Betapa tidak, al-Quran akan terus dibaca dan dirujuk untuk mempelajari segala bentuk keilmuan yang berhubung dengan ilmu dunia dan akhirat. Tidak dinafikan al-Quran memiliki keindahan bahasa sehingga terpesona setiap orang yang mendengarnya. Banyak peristiwa yang menunjukkan bahawa pembesar Quraisy secara senyap-senyap mendengar bacaan al-Quran kerana terpesona dengan estetikanya, walaupun mereka mengingkari dakwah nabi.

Menurut al-Jahiz, al-Quran yang mengandungi 114 surah dan 30 juzuk itu memiliki keindahan bahasa yang amat luar biasa, dan menjadi ciri utama dalam pengajaran Islam dan perkembangan sastera. Al-Quran merupakan mukjizat yang paling agung untuk sepanjang sejarah manusia dan bersifat kekal abadi. Sejarah penurunan al-Quran juga berlaku pada zaman jahiliah yang terkenal dengan kehebatan sastera Arab yang tinggi nilainya. Mukjizatnya terserlah dengan gaya bahasanya yang unik, luar biasa dan mengagumkan.

Al-Quran dengan bahasa yang tersendiri itu mengajar manusia akidah yang benar dan akhlak yang tinggi bagi membentuk hamba yang taat kepada penciptanya dan menjalinkan ukhuwah sesama manusia.

Orang Arab jahiliyah yang berbudaya dengan keghairahan sasteranya tercermin dalam genre syair, pidato, kisah dan amsal. Segala-galanya berindukkan sastera. Peperangan pun ditentukan oleh sasterawannya. Pada setiap tahun mereka akan merayakan pesta sastera sebagai hari kebesaran. Ketinggian sastera Arab jahiliyah diakui oleh pihak kawan dan lawan. Namun begitu, apabila datangnya al-Quran, mereka sangat terpesona, kagum dan hairan dengan ketinggian seni sastera al-Quran.

Keajaiban al-Quran terletak pada genrenya yang tersendiri. Susunan ayatnya tidak berstruktur sebagaimana syair tetapi terasa seperti puisi, dan bukan juga prosa tetapi terasa gerakannya sebagai prosa. Ayat-ayatnya bebas, tetapi memiliki rentak dan diikat oleh rima. Rimanya juga tidak kaku, malah terasa gelombang dan *wazannya*. Semuanya membina keindahan al-Quran yang selari dengan naluri, tetapi bertentangan dengan impulsif manusia. Ternyata al-Quran bukan ciptaan manusia.

Dalam al-Quran terkandung ayat-ayat hukum, dan banyak sekali cerita dan amsal. Allah SWT berfirman yang bermaksud,

Apabila membaca al-Quran, amat terasa keindahan itu, tetapi amat sukar pula untuk menjelaskan keindahan yang kita dirasakan itu.

“Demikianlah Kami ceritakan kepadamu sebahagian daripada kisah umat manusia yang telah lalu dan sesungguhnya Kami telah memberikan kepadamu, dari sisi Kami sebagai peringatan.” (Surah Taha 20:99).

Dalam Surah al-Hasyr ayat 21 pula, Allah SWT berfirman yang bermaksud, “Sekiranya Kami turunkan al-Quran ini ke atas sebuah gunung, nescaya engkau melihat gunung itu khusyuk serta pecah belah kerana takut kepada Allah. Dan (ingatlah), misal perbandingan ini Kami kemukakan kepada umat manusia, supaya mereka memikirkannya.” Allah SWT menerangkan hal tersebut sebagai amsal supaya manusia berfikir. Genre baharu al-Quran itu telah melemahkan dan melumpuhkan kekuatan sastera jahiliyah. Malah, kepercayaan


jahiliyah yang ditakluki oleh berhala di keliling Kaabah telah goyang oleh keindahan bahasa al-Quran. Mereka bukan sahaja terpesona dengan bahasanya, malah juga isinya yang tajam, mendalam dan percitraannya yang luar biasa.

Allah SWT berfirman yang bermaksud, “Sesungguhnya Kami menurunkannya berupa al-Quran dengan berbahasa Arab, agar kamu memahaminya.” (Surah Yusuf 12:2). Bahasa al-Quran memiliki nilai sastera yang tinggi. Walau bagaimanapun, sifat kedegilan pembesar Quraisy telah bersepakat untuk menentang al-Quran demi kedudukan mereka. Mereka menuduh al-Quran sebagai mantera kahin, dan Nabi Muhammad SAW ialah penyair gaya baharu. Namun begitu, mereka tidak dapat menyembunyikan keasyikan dan kerinduan mereka terhadap bacaan al-Quran. Secara senyap-senyap, mereka menyusup masuk ke majlis dakwah nabi untuk mendengar suara lunak tilawah al-Quran.

Begitulah wahyu Ilahi itu, disanjung aspek sasteranya yang tidak ada tolok banding, dan telah mengalahkan segala gergasi sastera zaman jahiliyah.

Di sinilah letaknya konsep mukjizat al-Quran dan Allah menjadikannya sebagai mukjizat kepada Nabi Muhammad SAW sebagai tanda kebenaran kerasulan-Nya.

Al-Walid ibn al-Mughirah, pemimpin Quraisy yang terkenal sebagai pengkritik dan penguasa sastera





Para pengarang Islam sejak zaman-berzaman telah merujuk al-Quran untuk menjadikannya sebagai contoh, rujukan, bimbingan dan pedoman bagi menghasilkan karya yang bermutu.

paling tersohor mengatakan bahawa tiada sesiapa yang dapat mengatasi al-Quran, dan al-Quran bukanlah ciptaan manusia biasa. Atabah Ibn Rubiah pula berkata, “Dengan nama Allah aku tidak pernah mendengar ucapan sedemikian dahulu, al-Quran bukanlah syair atau sihir atau mantera”. Banyak penyair yang memeluk Islam selepas mendengar ayat al-Quran dibacakan termasuklah tiga orang penyair terkemuka, iaitu Hassan bin Thabit, Ka’ab bin Malik dan Abdullah bin Rawahah.

Demikianlah juga halnya dengan Sayidina Umar al-Khattab r.a. Beliau merupakan seorang yang kuat menentang dakwah Nabi Muhammad SAW dan berhasrat untuk membunuh Baginda. Namun begitu, setelah mendengar empat ayat daripada *Surah Taha*, dia berasa

keindahan bahasanya yang unik, susunannya yang kemas dan makna yang mendalam.

Al-Quran bukannya syair dan Muhammad SAW bukannya penyair. Lalu dia berjumpa Baginda dan berkata, “Ya Rasulullah ajarkan aku syahadah.”

Menurut Abu Hayan al-Tauhidi, setelah mengkaji tulisan pengkaji sastera Islam, beliau mengakui keindahan sastera dalam al-Quran tersembunyi di sebalik pengaplikasian bahasanya. Apabila membaca al-Quran, amat terasa keindahan itu, tetapi amat sukar pula untuk menjelaskan keindahan yang kita dirasakan itu. Firman Allah yang bermaksud, “Dan daripada tanda-tanda kebesaran Allah ialah menjadikan langit dan bumi dan perbezaan bahasa, dan warna kulit kamu, sesungguhnya yang demikian itu adalah tanda-tanda bagi orang yang berilmu.” (*Surah al-Rum* 30:22).

Rasulullah SAW amat mencintai bahasa yang indah dan gemar mendengar syair yang indah. Kekuatan karya sastera terletak pada susunan bahasanya, dan bertambah indah dengan isinya yang baik. Sebuah syair yang bermutu tinggi terletak pada bahasa dan

isinya. Kandungannya yang baik itu merupakan refleksi daripada bahasanya yang indah.

Sastera al-Quran telah dikaji dan diselidiki pada sepanjang zaman. Pelbagai hasil dan dapatan yang diketemuka telah diperturunkan kaedah dan prinsipnya oleh para ahli bahasa dan sastera seperti Sayyid Qutub, al-Aqub Isa Ali dan Sukran Kamil.

Keindahan bahasa al-Quran

1 Keindahan al-Quran terletak pada aplikasi diksi atau lafaz, ayat atau jumlah, makna atau mafhum, dan pada cara penyusunan uslubnya. Dikasinya betul, tepat, sesuai dan jelas mengikut mauduk dan taraf khalayaknya. Satu daripada sifat dikasinya ialah ringkas dan pendek, tetapi membawa maksud yang banyak, pelbagai dan mendalam. Aspek makna menjadi puncak keindahan bahasa al-Quran. Segala aplikasi bahasa baik lafaz, jumlah, *fasahah* ataupun balaghahnya berpuncak pada makna. Makna tersebut ada ketikanya disampaikan secara terbuka atau terikat, serta tersurat atau tersirat. Maknanya mendalam, tajam dan membekas. Hal ini menjadi dalil dan membuktikan keindahan bahasa al-Quran yang

merupakan kalam Allah SWT yang Maha Esa.

2 Keindahan al-Quran terletak pada kaedah penyampaiannya, terutamanya penyampaian makna atau semantikanya. Kemampuan menyampaikan makna yang baik dan indah secara selapis atau berlapis menjadi satu daripada prinsip penting keindahan bahasa sastera Islam. Dalam menyampaikan makna, ada unsur hiasan seperti ungkapan digunakan dengan pelbagai mekanisme dan cara seperti *isti'arah* (metafora) *tasybih* (simile) dan majaz (figuratif). Antara jenis *isti'arah* termasuklah *tasyrikiyah*, *asliyah*, dan *taba'iyah*; iaitu yang menyerupai, asli dan konvensional. Keindahannya bukan sahaja terletak pada makna, tetapi juga cara penyampaiannya. Cara pengungkapannya diaplikasikan dengan kaedah *al-bayan*, iaitu penerangan atau penjelasan yang menjadi dasar estetika Islam.

3 Dua istilah yang sering disebut tentang bahasa al-Quran ialah bahasa *fasahah* dan bahasa *balaghah*. *Fasahah* merujuk kalimah atau diksi harus mempunyai ciri-ciri sahih, *tanbih* dan hasan; juga bersesuaian dengan situasi, berpengaruh dan mempesonakan. Beberapa kriteria dapat dikesan untuk menghasilkan estetika *fasahah* ini, iaitu menjauhi daripada pemilihan kata yang mengelirukan atau merosakkan, kata-kata yang sengaja dikaburkan, pengulangan yang membazir, dan perkataan asing sebagai hiasan (*idafah*).

Balaghah atau seni penyampaian, keindahannya terserlah pada pengaplikasian pelbagai unsur hiasan seperti ibarat, riwayat dan silsilah, yang mempunyai unsur mengagumkan, mengajayakan dan menghairankan. Bahasa yang magis, mempesona dan merentas rasa nubari serta membangunkan indera akal untuk berfikir. Puncak keindahan sastera Islam membina insan Islam yang berfikir dan yang menggunakan akal.

4 Estetika seni Islam terletak pada cara menjelaskan kebenaran, dan disampaikan dengan secara biasa atau bersimbol. Kekayaan al-Quran dari segi simbolik seperti *isti'arah* dan majaznya menjadi aspirasi dan ikutan pengarang Islam. Begitu juga dalam al-Quran terdapat ayat *muhkamah* dan *mutasyabihah*. *Muhkamah* jelas maknawinya, sedangkan *mutasyabihah* memerlukan pentakwilan daripada kepakaran ahli ulul albab. Oleh itu ditakuti jatuh kepada kesalahan tafsirannya.

Para pengarang Islam sejak zaman-berzaman telah merujuk al-Quran untuk menjadikannya sebagai contoh, rujukan, bimbingan dan pedoman bagi menghasilkan karya yang bermutu. Sebagai contoh, pengarang zaman Umayyah, Abbasiyah dan Andalus mengaplikasikan keindahan dan penstrukturan al-Quran. Pada zaman Abbasiyah, dicatatkan bahawa terdapat 44 orang pengarang ternama dan 12 orang yang unggul, antaranya termasuklah Fardausi, Rumi, Sa'adi, Nizami, Jami, Anwari,

Hafiz, Attar, Abi Hanifah, Ibn al-Muqaffa, Basyar dan Abu Nawas.

Dalam sastera Melayu, genre syair, hikayat, sastera kitab dan sastera kanun merupakan sumbangan tradisi sastera al-Quran. Begitu juga dalam sastera moden, genre novel, cerpen dan drama, meskipun leluhurnya daripada struktur Barat, tetapi muatan awalnya bersumberkan keislaman.

Begitulah keindahan al-Quran, sebuah kitab suci yang dianugerahkan oleh Allah, yang kaya dengan unsur seni yang selari dengan fitrah manusia. Keindahannya telah banyak diwacanakan dengan pelbagai metodologi, antaranya termasuklah lahirnya ilmu *balaghah* dan diturunkan kepada beberapa gagasan dan teori sastera Islam. Kajian itu untuk membuktikan bahawa sastera al-Quran ialah mukjizat yang paling agung. Nukilan kecil ini hanyalah merupakan setitik daripada gedung lautan al-Quran yang maha luas itu, bagi menunjukkan betapa indahnya seni bahasa al-Quran itu. Beruntunglah seseorang pengarang dan seseorang tradisi sastera, yang mendapat sentuhan dan hidayah daripada mukjizat kalamullah yang qadim itu. ☺

